

SUMBANGAN PERPUSTAKAAN DALAM PENARAFAN UNIVERSITI

Disediakan oleh: Kamariah Gono

Timbalan Ketua Pustakawan

Pengenalan


Penarafan Instituti Pengajian Tinggi (IPT) bermula pada 1983 apabila laporan mengenai kolej terbaik di Amerika Syarikat dikeluarkan oleh US News and World Report¹. Kewujudan pelbagai sistem bagi mengukur kelebihan dan kehebatan sesebuah universiti menunjukkan betapa penarafan universiti menjadi satu tren yang dikejar oleh kebanyakan universiti di dunia. Justeru tidak hairanlah sekiranya penarafan universiti merupakan salah satu agenda yang dipandang serius oleh kerajaan bagi meningkatkan prestasi akademik dan penyelidikan di institusi pengajian tinggi Malaysia di mata dunia.

Terdapat pelbagai sistem penarafan di peringkat antarabangsa mahupun nasional bagi mengukur prestasi dan pencapaian sesebuah universiti. Antaranya adalah sistem penarafan universiti antarabangsa seperti *QS World University Ranking*, *Times Higher Education World University Ranking (THES)*, *Webometrics Ranking of World Universities*, *Academic Ranking of World University (ARWU)*. Manakala sistem penarafan universiti tempatan seperti Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia

Bagi menjana data-data ini, perpustakaan telah diberi tanggungjawab untuk menyemak, menganalisa dan menyediakan data-data penerbitan penyelidikan bagi membolehkan pengukuran secara kuantitatif dilakukan. Di Malaysia umumnya, proses analisa data penerbitan penyelidikan menggunakan pangkalan data SCOPUS iaitu pangkalan data bibliografik yang mengandungi sitasi dan abstrak artikel yang diterbitkan dalam

Kedua pangkalan data ini adalah yang paling popular digunakan bagi mendapatkan jumlah artikel yang diindeks serta jumlah sitasi.

Bagi tujuan penajanaan data-data tersebut, Perpustakaan UMP menggunakan pangkalan data Scopus memandangkan pangkalan bilangan jurnal yang diindeks dalam Scopus lebih menyeluruh berbanding WOS. Tujuan penilaian pada jurnal/artikel serta jumlah sitasi ini dilakukan adalah untuk melihat impak penerbitan



Contoh laman sesawang sistem penarafan

Sl. No.	Citation	B	C	D	E	F	G	H	I	J	K	L
		Doc. Type	Medium	Source	Cited	Faculty	Other Inst.	IF	Format	Quantile	DOI	
1	Ibrahim, H., & Yusoff, M. M. (2007). Plant-based ethnic remedies for hypertension	AJ	J	Wos	0	FKUSA	Univ Malaysia, Fac. Sci, Inst.Biol.Sci	2.348	0031-0949	Q2		
2	Sekhar, Y. R., Sharma, K. V., Naik, M. T., & Sunder, L. S. (2012).	AJ	J	Scopus	1	FKIM	Centre for Energy Studies,	17532507			10.1504/INP.2012.049908	
3	Liu, C., Li, J., Liew, K., Zhu, J., & Nordin, M. R. B. (2012). An	AJ	J	Scopus	3	FIST	Key Laboratory of Catalysis and	2.562	20462069	Q2	10.1039/c2ra20674a	
4	Lim, K. S., Buyamin, S., Ahmad, A., & Ibrahim, Z. (2012). An improved	CP	P	Scopus	1	FKEE	Faculty of Electrical	978-078954730-5			10.1109/AWS.2012.29	
5	Sargolzaei, H., Ali, B. M., & Khatun, S. (2012). A cross layer metric for	AJ	J	Scopus	2	FSKXP	Department of Computer and	0.428	9286212	Q4	10.1007/s11277-011-0333-4	
6	Mukhlis, M. Z. B., Khan, M. R., Bhounick, M. C., & Paul, S. (2012).	AJ	J	Scopus	4	FKUSA	Department of Chemical	1.748	496979	Q2	10.1007/s11270-012-1249-7	
7	Xie, W., Zhang, Y., Liew, K., & Li, J. (2012). Effect of catalyst	AJ	J	Scopus	6	NOT UMP	South-Central University for	1.327	16747291	Q3	10.1007/s11426-012-4727-2	

Contoh analisis data penerbitan diekstrak dari Scopus

Selain dari penajanaan data artikel berindeks dan sitasi dari Scopus, UMP Institutional Repository (UMPIR) turut memainkan peranan dalam mengumpul dan menyebarkan penerbitan yang tidak atau belum diterbitkan. UMPIR merupakan pangkalan data yang dibangunkan oleh Perpustakaan UMP dalam usaha mengumpul, memelihara dan menyebarkan hasil ilmiah universiti.

Melalui program UMPIR awareness, Perpustakaan UMP mendapat kerjasama dari para akademik untuk memuatnaik penulisan ilmiah iaitu kertas persidangan dan bab dalam buku. Ini termasuklah mengimbas bahan-bahan penerbitan lain yang boleh memberi impak kepada universiti seperti penulisan asli dalam buletin, majalah dan akhbar yang dihasilkan oleh staf UMP.

Maklumat yang disimpan dalam UMPIR boleh diakses seluruh dunia dan secara tidak langsung visibility serta imej universiti dapat ditingkatkan. Faktor visibiliti penerbitan dan kepakaran